

Ahad, 5 April 2020 | 3:06pm

COVID-19: Kerajaan bertindak terhadap peniaga naikkan harga produk makanan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan memandang serius rungutan wujud kenaikan harga produk makanan secara mendadak, ketika penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlangsung ketika ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ketika kerajaan tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana peniaga yang didapati cuba mengaut keuntungan melampau dengan menaikkan harga produk makanan dalam pasaran.

Sehubungan itu, katanya, penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan melakukan pemantauan terhadap semua premis perniagaan yang menjual produk makanan.

"Kita nak pastikan tiada peniaga yang menaikkan harga secara sewenang-wenangnya, namun jika ada, sila hubungi pejabat KPDNHEP berdekatan supaya tindakan tegas boleh diambil.

"Kita tidak akan beri ruang kepada sesiapa untuk ambil kesempatan terhadap rakyat dalam waktu krisis ini," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Menteri Mengenai PKP, di Putrajaya, hari ini.

Menyanggah beberapa laporan media yang disifatkan sebagai 'separuh' benar atau palsu, Ismail yang juga Menteri Pertahanan menjelaskan dakwaan bahawa Malaysia ketika ini berdepan kekurangan bekalan makanan adalah tidak berasas.

Sebaliknya, beliau memberi jaminan laporan semasa dikemukakan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mendapati simpanan bekalan makanan adalah mencukupi untuk menampung keperluan semasa domestik.

"Jadi, rakyat tidak perlu bimbang atau ragu-ragu mengenai status bekalan makanan mereka kerana ia mencukupi, berdasarkan laporan yang saya terima.

"Oleh itu, tiada keperluan untuk melakukan pembelian panik kerana makanan mencukupi dan mampu menampung keperluan semasa," katanya.



Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. BERNAMA

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/673241/covid-19-kerajaan-bertindak-terhadap-peniaga-naikkan-harga-produk>